

TEKS: Y.M. RAJA AZMI

SEMINAR ILMU QIROAT:DARI RIWAYAH KE DIRAYAH

PER: UCAPAN ALUAN SERTA SAMBUTAN 10 TAHUN RH & RH QC

TEKS

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih kepada pengerusi majlis,----- Y.M RH, selaku pengasas RH Qiroat Centre; Yang Berbahagia Puan Norizan Bt Md Nata selaku pemilik bersama RH QC, Yang Berbahagia Ustaz Muhammad Amiri Bin Ab Ghani sebagai Ketua Kumpulan Penceramah, Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Khairul Anuar Mohamad, Yang Berbahagia Ustaz Dr. Jismani Bin Yusoff, Y.M. Raja Faziana sebagai Francaisi RH QC, Yang Berbahagia Sheikh Mustaffa serta hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian.

Saya amat berbangga dapat hadir pada hari ini dalam majlis yang begitu bermakna, yang bukan sahaja mengumpulkan para pencinta ilmu Al-Quran, tetapi turut mendidik kita dalam bidang qiroat dan masa depan perkembangan qiroat. Untuk makluman semua, saya mengenali aunty RH sejak saya berumur 15 tahun ketika ayahanda saya dan Dato` Wahab merupakan rakan kongsi di Firma Akaun Azman Wong Saleh. Sejak dari itu, kami bertambah rapat sehinggalah aunty RH menubuhkan RH Qiroat Centre. Pada awalnya, saya merupakan penasihat RH QC dan 2 tahun yang lepas, Cik Nadiah menarik diri daripada pemilik kerana sibuk dengan tugas gurunya. Maka, saya mengambil alih menjadi pemilik kepada RH Qiroat Centre bersama dengan Yang Berbahagia Puan Norizan Bt Md Nata.

Untuk makluman semua, RH telah memulakan perjalanan qiroat ini dari tahun 2016 dan RH Qiroat Centre ditubuhkan pada 2020. Maka, RH dan RH Qiroat telahpun genap mencapai 10 tahun dan kini telah memasuki tahun ke-11.

Maka, tibalah masanya saya merasmikan Seminar Ilmu Qiroat : Dari Riwayah Ke Dirayah dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*. Semoga seminar ini berjalan dengan lancar dan diberkati Allah SWT sehingga ke akhirnya.

MC bercakap :

Dengan ini, dijemput Y.M. Raja Azmi Bin Raja Nazuddin, Y.M. RH, Yang Berbahagia Puan Norizan Bt Md Nata, Y.M. Raja Faziana Bt Raja Musa, Yang Berbahagia Ustaz Muhammad Amiri Bin Ab Ghani sebagai Ketua Kumpulan Penceramah, Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Khairul Anuar Mohamad dan Yang Berbahagia Ustaz Dr. Jismani Bin Yusoff ke hadapan bersama-sama bagi meraikan perasmian RH & RH Qiroat Centre sempena 10 tahun.

Pegang kotak tapak tangan oleh Y.M. Raja Azmi Bin Raja Nazuddin

Video dimainkan..